

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR UMS

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULAHI WABARAKATUH DAN SALAM
1 MALAYSIA**

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATUK ABDUL HAMID EGOH
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**YANG BERBAHAGIA DATUK BASIRAN SABAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN LABUAN**

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**YANG BERUSAHA PROF MADYA DR SHARIFF A.K OMANG
PENGARAH UNIVERSITI MALAYSIA SABAH KAMPUS ANTARABANGSA
LABUAN**

**DEKAN-DEKAN, PENGARAH-PENGARAH DAN KETUA-KETUA JABATAN
UMS**

PEGAWAI- PEGAWAI KANAN UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

AHLI MAJLIS DAN ANGGOTA PERBADANAN LABUAN

PARA GRADUAN UMSKAL

PARA PELAJAR TADIKA, SEKOLAH DAN MATRIKULASI,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN, PARA HADIRIN SEKALIAN ,

Terlebih dahulu saya ingin merafakkan kesyukuran kehadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul bersama pada pagi ini di dalam Majlis Perarakan Berjubah Graduan yang diadakan buat edisi yang kedua.

Bagi pihak UMS , dengan tulus ikhlasnya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak Perbadanan Labuan dan juga Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) atas komitmen dan kerjasama erat dalam menjayakan Majlis Perarakan Graduan Berjubah di Bandar Wilayah Persekutuan Labuan ini .

Saya percaya ini adalah suatu indikasi yang positif untuk mengukuhkan hubungan kerjasama dalam pelbagai bidang yang lain di masa hadapan yang boleh diperluaskan ke arah pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan yang integratif.

Sesungguhnya, saya bagi pihak UMSKAL ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Yang Berbahagia Datuk Basiran Saban selaku Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan di atas kesudian menerima kami khasnya para Graduan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan di Wilayah ini yang juga lebih dikenali sebagai Pulau Bebas Cukai.

Para hadirin sekalian,

Penubuhan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan kini sudah melebihi usia 10 tahun. Tertubuhnya kampus cawangan ini ternyata membawa ehsan yang sangat besar dalam pelbagai bidang yang merangkumi pembangunan, ekonomi, budaya, pertambahan penduduk dan kemasyarakatan

.

Sehubungan itu , adalah menjadi harapan kita bersama agar dengan adanya UMSKAL di Pulau Labuan nan indah indah ini, dapat membangkitkan motivasi kepada para penduduk untuk mencapai tahap pendidikan ke menara gading . Sekurang-kurangnya , dapatlah memberi dorongan kepada para ibu bapa untuk menggerakkan anak-anak untuk mencapai tahap pencapaian akademik yang tinggi.

Sebagai makluman hadirin dan hadirat sekalian , acara perarakan tahun ini sangat istimewa dan mempunyai simbolik tersendiri yang pada hemat saya wajar untuk diteladani. Keunikannya bukan terletak pada laluan perjalanan yang bermula dari terminal feri ke dataran Labuan. Tetapi, apa yang menariknya perarakan ini turut disertai oleh kanak-kanak tadika, murid sekolah rendah, menengah dan pelajar matrikulasi. Secara simboliknya , siswa siswi memulakan langkah mereka ke menara gading UMSKAL dengan ketibaan penuh debaran dan harapan di Terminal Feri Labuan. Bermula tahap pendidikan rasmi seseorang itu dipupuk seawal peringkat tadika , kemudian ke sekolah rendah, menengah, matrikulasi dan seterusnya ke peringkat Universiti. Dan serahan kunci pula membawa maksud kembalinya graduan-graduan kita kepada masyarakat selepas ini untuk mencerahkan budi dan bakti buat diri, perjuangan maruah keluarga dan masyarakat .

Hadirin dan hadirat sekalian ,

Jika diimbas kembali ke zaman era 60an – 70an, yakni peluang untuk menuntut ilmu itu adalah terhad ataskekangan faktor kewangan terutamanya dan persepsi masyarakat yang masih kurang jelas akan pentingan menuntut ilmu. Kini , kita adalah masyarakat milenium yang bertuah yang mana segalanya boleh dicapai melalui pelbagai kemudahan yang disediakan kerajaan baik untuk golongan miskin mahupun golongan istimewa, jauh atau dekat dan sebagainya .

Saranan saya kepada para pelajar yang bakal berkonvo agar budaya ilmu yang dipelajari di peringkat Universiti ini akan terus menjadi warisan untuk dikongsikan dan diamal kepada masyarakat selepas bergraduat dan kemudian diperaktikkan untuk generasi pada masa hadapan.

Khususnya buat graduan kita yang hadir pada hari ini , saya ucapkan selamat mengharungi alam kerjaya , teguh pada prinsip diri dan jadilah ahli masyarakat kaya dengan ilmu pengetahuan dan budi bahasa, bersahsiah diri yang positif dan semoga mendapat keredaan daripada llahi.

Akhir kata dalam pertemuan kita kali ini , sekali lagi diucapkan syabas kepada barisan jawatankuasa penganjur yang sentiasa komited kepada Universiti. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada Warga Perbadanan Labuan di atas kerjasama padu yang diberikan. Demikian juga kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu menjayakan acara yang amat bermakna ini.

Dengan itu, saya Sudah ucapan saya dengan Wabilahitaufik wal hidayah,
Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.